

FUJI UBAT BATUK UNTUK DEWASA

Guaiphenesin (100mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Fuji Ubat Batuk
2. Bagaimana Fuji Ubat Batuk berfungsi
3. Sebelum mengambil Fuji Ubat Batuk
4. Cara mengambil Fuji Ubat Batuk
5. Semasa menggunakan Fuji Ubat Batuk
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Fuji Ubat Batuk
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Fuji Ubat Batuk

Untuk melegakan gejala batuk disebabkan oleh selsema dan jangkitan kecil saluran atas pernafasan.

Bagaimana Fuji Ubat Batuk berfungsi

Fuji Ubat Batuk mengandungi *guaifenesin* yang mempunyai tindakan *expectorant* yang memudahkan penyingkiran mukosa.

Sebelum menggunakan Fuji Ubat Batuk

-Bila tidak boleh menggunakan

- Ia tidak sepatutnya digunakan untuk pesakit yang hipersensitif kepada *guaiphenesin* atau komponen lain di dalam formula ini.
- Bukan untuk batuk yang berterusan akibat merokok, asma atau sesak nafas, atau di mana batuk disertai oleh rembesan berlebihan.

-Sebelum menggunakan ubat ini

Mengandung dan menyusukan anak
Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Cara mengambil Fuji Ubat Batuk

-Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan Fuji Ubat Batuk seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

Dos biasa

Dewasa & Kanak-kanak >12 tahun:
100 - 400mg (5ml -20ml) setiap 4 jam.
Jangan melebihi 2.4g/hari(120ml/hari).

6-12 tahun: 100 - 200mg (5ml - 10ml) setiap 4 jam. Jangan melebihi 1.2g/hari (60ml/hari).

-Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan Fuji Ubat Batuk seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Fuji Ubat Batuk

-Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom berterusan selepas mengambil ubat ini.

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Fuji Ubat Batuk.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Fuji Ubat Batuk dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan Fuji Ubat Batuk terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Fuji Ubat Batuk boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika simptom berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Ketidakselesaan gastro-usus.
- Mual
- Muntah.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

FUJI UBAT BATUK UNTUK DEWASA

Guaiphenesin (100mg/5ml)

Cara penyimpanan dan pelupusan

Fuji Ubat Batuk

-Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan diantara 15-30°C. Lindungi daripada haba dan cahaya.

Jauhi ubat dari kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Larutan sirap coklat gelap.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi
Guaiphenesin

- Bahan-bahan tidak aktif

Blackcurrant, Liquid caramel, Glycerin, Menthol Crystals, Deionized water, Guar gum, Sodium benzoate, Rhodigel dan Syrup simplex.

-Nombor MAL

MAL19991909X

Pengilang dan Pemegang

Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn.
Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park
Phase 4, 11900 Penang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

11/10/2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)111017/00268